



MINDA PENDIDIK

MUHAMAD SUHAIMI TAAT

Bersama, Mohd Yusof Abdullah, Baharom Mohamad, Roslee Talip, Abdul Said Amboingan dan Shukri Zain

TELAH agak lama kami panel penulis di ruangan ilmiah minda pendidik menyepikan diri atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Diam tak diam, sudah masuk minggu ke lima dalam 2014 ini. Namun, rasanya belum terlambat untuk kami panel penulis minda pendidik mengucapkan selamat kembali bertugas dalam medan pendidikan kepada semua warga pendidik. Di ruangan kali ini beberapa persoalan ingin dilontarkan.

Adakah pepatah guru ibarat lilin yang membakar diri untuk menerangi orang lain boleh diterima pada hari ini? Adakah guru perlu mengorbankan diri untuk kebahagiaan pihak lain? Adakah guru perlu berada dalam kerangka minda yang sama tahun demi tahun atau berada ditakuk lama kerana itulah rutin kerja sebagai seorang guru? Adakah guru perlu melakukan apa sahaja tanpa usul dan periksa? Adakah guru insan kelas ketiga? Mungkin soalan-soalan inilah yang sering bermain-main di minda insan yang mulia di negara ini, khususnya ketika menjelang tahun baru persekolahan. Namun, golongan guru boleh menguntum senyuman kerana jasa mereka terpapar pada kejayaan dikecapi, bukan saja murid diajar bahkan pada setiap pelosok pembangunan. Inilah

Selamat kembali bertugas insan guru

lilin yang membakar diri demi kebahagiaan orang lain.

Profesion keguruan yang merupakan profesion tertua di dunia, kini memasuki satu lagi lanskap baru. Kalau dahulu tugas utama guru ialah sebagai penyampai pengetahuan. Gurulah yang banyak bercakap dan menyoal. Bagaimanapun kini, peranan guru lebih penting sebagai pemudah cara dalam proses pembelajaran. Sebagai pemudah cara, guru perlu lebih sedia dan peka melahir dan menggunakan situasi-situasi pembelajaran secara cekap dan berkesan. Murid perlu selalu digerak untuk berfikir secara kreatif dan kritikal. Malahan, murid dijangka dapat menyoal guru serta membantu guru membuka luas pintu pembelajarannya. Dahulu, punca pengetahuan adalah dalam bentuk bertulis.

Sekarang, lebih banyak bilik darjah ditukar menjadi bilik darjah bestari yang membolehkan pelajar menggunakan komputer untuk mencari lebih banyak pengetahuan dan maklumat. Bagaimanapun, kehadiran guru penting untuk membimbing pelajar membuat pilihan ilmu dan maklumat yang betul.

Betul kata pujangga Usman Awang yang menulis bait keramat bahawa setiap kejayaan dicapai manusia, titik pangkalnya bermula daripada guru. Meskipun guru tidak boleh bermegah dengan kejayaan anak didik mereka, guru harus bangkit daripada kesibukan bagi

memberi didikan kepada anak bangsa untuk mencapai kejayaan cemerlang. Inilah satu lagi peranan guru - sebagai seorang pembangun negara.

Ini kerana di bawah jagaannya adalah sekumpulan manusia muda yang akan diasuh dan dididik supaya menjadi anggota masyarakat yang bertanggungjawab dan berguna. Justeru, fokus guru adalah lebih daripada sekadar skop pengajaran dan pembelajaran. Ia melibatkan pendidikan meliputi segala aspek meliputi pembangunan mental, fizikal, emosi, sosial dan spiritual. Guru harus berperanan untuk mengenal pasti dan membangunkan potensi diri pelajar.

Peranan guru ini amat penting dalam menentukan corak pembangunan sesebuah negara. Kita perlu sedar, kejayaan negara adalah hasil sumbangan kerjaya keguruan. Ini kerana persediaan bagi pengeluaran tenaga kerja negara di semua sektor bermula dari sekolah yang sudah pastinya memerlukan khidmat dan jasa guru. Guru juga adalah model manusia berkelakuan baik.

Guru mesti bebas daripada bersikap negatif dan sempit daripada aspek bangsa, kelas, sosial, kedaerahan dan politik. Seorang ahli psikologi Barat pernah menganalogikan seorang guru yang pintar ibarat 'walking dictionary' kerana perannya memberi arah kepada orang yang ingin bertanya sesuatu. Pun begitu, seorang guru yang

proaktif dan berfikiran terbuka lebih mesra dengan sikap keterbukaan dan kesediaannya untuk meningkatkan tahap profesionalisme masing-masing. Seorang pelajar di Amerika Syarikat pernah dipetik sebagai berkata bahawa guru yang baik ialah guru yang mengajar muridnya seperti mana dia mahukan anak murid mengajarnya. Malah guru yang berpendirian profesional dalam tingkah lakunya dengan memegang kepada nilai-nilai akhlak dan etika yang positif mampu mempengaruhi pelajarinya daripada ibu bapa mereka sendiri.

Bagi memantapkan profesionalismenya, adalah penting guru menjalani latihan sebelum perkhidmatan. Pendedahan awal ini mendedahkan guru dengan pelbagai kaedah dan kemahiran pengajaran yang perlu seorang guru miliki. Bagaimanapun, latihan tidak terhad kepada sebelum perkhidmatan semata-mata. Dalam semua aspek keguruan, ilmu pengetahuan adalah lebih luas dan mendalam hasil usaha penyelidikan dan diskusi guru-guru pengetahuan.

Di samping itu, kelulusan akademik para guru adalah satu lagi perkara yang perlu dilihat dan dipertimbangkan. Antara syarat untuk menjadi guru yang berkesan adalah memiliki ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi. Memandangkan guru memainkan peranan penting dalam pembangunan negara, sifat kerja guru yang begitu khusus

memerlukan guru mempunyai kelayakan akademik minimum dan menghadiri program-program latihan sebelum dan semasa perkhidmatan. Justeru langkah Kementerian Pendidikan Malaysia menggalakkan guru meningkatkan kelayakan akademik melalui pelbagai program dan galakan termasuklah kursus dalam perkhidmatan, galakan guru bukan siswazah melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah, pensiswazahan Guru Besar, anugerah biasiswa melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dan ijazah kedoktoran merupakan manifestasi untuk membangunkan kerjaya guru. Bagaimanapun dorongan ini perlu selari dengan insentif untuk terus menyuburkan minat dan kompetensi guru dengan menyediakan hadiah pergerakan gaji atau kenaikan gred mahupun pangkat umpamanya bagi guru yang mempunyai kelayakan akademik yang lebih tinggi seperti sarjana, Phd dan sebagainya.

Daripada perspektif Islam, profesion keguruan merupakan warisan para nabi khususnya Nabi Muhammad SAW. Hakikatnya, Islam meletakkan profesion guru itu tinggi darjatnya. Hakikat ini ditunjukkan sendiri Imam Shafie ketika beliau pada saat-saat hampir menghembuskan nafas terakhir, meminta anak muridnya mengajar sesuatu kepadanya. Beliau tahu betapa tingginya martabat orang yang

mengajar, begitu juga orang yang belajar di sisi Allah SWT. Dalam menghadapi krisis pendidikan dalam era globalisasi ini, guru boleh berfikir sejenak terhadap tugas dan tanggung jawab yang harus dipikul bagi memenuhi tuntutan semasa.

Pada masa kini dan hadapan, cabaran guru masa adalah lebih hebat. Guru harus berfikiran global dengan mengadunkan aspek tempatan dengan kepelbagaian entiti dunia yang berlaku begitu pantas dengan pelbagai karenah yang harus dibendung secara lebih bijak dan berhati-hati. Guru masa kini harus melihat kurikulum pendidikan secara dinamik. Selain itu, guru juga harus bijak mentafsir kurikulum yang menjadi wahana penyampaian ilmunya. Ini belum lagi dengan pengenalan dan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang menambahkan lagi 'work-load' seorang guru bukan sahaja di sekolah, malah kebanyakan guru terpaksa membawa pulang 'work-load' tersebut untuk disambung dan diselesaikan di rumah. Justeru, tidak hairanlah mengapa profesion keguruan memerlukan tahap kesabaran dan ketekunan yang ditinggi di samping niat murni dan ikhlas dalam melaksanakan segala amanah dan tanggungjawab yang diberikan. Teruskan perjuangan...

** Penulis adalah Pensyarah Kanan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.*